



15 JUL, 2023

Sindiket kereta mewah kurangkan duti kastam tumpas

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 3

SPRM tumpas
sindiket tipu
duti kastam
kereta mewah,
tujuh ditahan

Nasional 9





15 JUL, 2023

Sindiket kereta mewah kurangkan duti kastam tumpas

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 3



Antara individu yang ditahan disyaki bersubhat menipu duti kereta mewah berjumlah RM33 juta.

Sindiket kereta mewah kurangkan duti kastam tumpas

SPRM bongkar kegiatan menyebabkan ketirisan cukai sehingga RM33j

Oleh Ilah Hafiz Aziz
ilahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menumpaskan sindiket kereta mewah mengurangkan duti secara tidak sah sehingga mengakibatkan ketirisan cukai kerajaan sehingga RM33 juta.

Dalam operasi oleh Bahagian Operasi Khas SPRM itu, seramai tujuh individu ditahan di Kedah, kelmarin dikesan bertindak se-

bagai ejen kastam yang bersubhat mengemukakan maklumat palsu.

Siasatan SPRM mendedahkan, suspek bersubhat bersama pemilik kereta mengemukakan dokumen mempunyai maklumat palsu bagi tujuan mendapatkan pengurangan penilaian duti kastam.

Bagaimanapun, satu sumber mendedahkan, kenderaan mewah itu tidak layak mendapat pengurangan penilaian duti kastam.

Babit pelbagai jenis kereta

Antara jenis kenderaan mewah yang terbabit dan dirampas setakat ini adalah McLaren dan Ferrari, namun difahamkan terdapat banyak lagi kenderaan mewah lain.

“Semua suspek lelaki berusia lingkungan 30-an hingga 60-an ditahan di Pejabat SPRM Kedah antara jam 5 petang hingga 10.30

malam tadi (kelmarin) ketika mereka hadir memberi keterangan.

“Sindiket ini menyebabkan ketirisan cukai kastam berjumlah kira-kira RM33 juta,” kata sumber kepada BH.

BH difahamkan, selain Kedah, siasatan SPRM kini turut dijalankan di Lembah Klang, Johor, Perak dan Sabah.

“SPRM juga membuat serbuan di beberapa premis perniagaan, pejabat agensi kerajaan serta kediaman,” kata sumber.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Tan Kang Sai, ketika dihubungi semalam, mengesahkan penahanan itu.

Katanya, semua suspek disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Sementara itu, Majistret Nurshahida Abdul Rahim membenarkan semua suspek direman empat hari sehingga Ahad ini.



15 JUL, 2023

Sindiket kereta mewah kurangkan duti kastam tumpas

Berita Harian, Malaysia



Page 3 of 3

SUMMARIES

SPRM tumpas sindiket tipu duti kastam kereta mewah, tujuh ditahan Nasional 9

Antara individu yang ditahan disyaki bersubahat menipu duti kereta mewah berjumlah RM33 juta.

SPRM bongkar kegiatan menyebabkan ketirisan cukai sehingga RM33j

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menumpaskan sindiket kereta mewah mengurangkan duti secara tidak sah sehingga mengakibatkan ketirisan cukai kerajaan sehingga RM33 juta.